

# Exco Pemuda gagal laksana tugas akan diganti

BH 26

MAY 2000

KUALA LUMPUR. Khamis – Ketua Pemuda Umno, Datuk Hixhamuddin Tun Hussein, membri amaran akan menggantikn mana-mana anggota Exco yang gagal melaksanakan tanggungjawab di biro masing-masing.

Beliau berkata demikian ketika mengumumkan pelantikan senarai anggota Exco pergerakan itu, yang turut menyenaraikan lapan muka baru sebagai Ketua Pemuda Umno negeri.

“Jangan anggappelantikan ini sebagai sesuatu yang kekal, selepas penilaian dibuat jika ada yang tidak sampaipada tahap dibanggakan kita tidak akan teragak-agak menukar kepada mereka yang lebih herwihawa,” katanyapada sidang akhhar selepas mesyuarat Exco pertamanya di

sini, hari ini.

Lapan muka baru yang dilantik sebagai Ketua Pemuda negeri ialah Ismail Kassim (Perlis); Abdul Wahab Din (Kedah); Datuk Mohd Zaini Salleh (Pahang); Dr Karim Mansor (Selangor); Ahmad Fauzi Zahari (Wilayah Persekutuan), Shaziman Abu Mansor (Negeri Sembilan), Abidullah Salleh (Melaka) dan Tawfiq Datuk Abu Bakar Titingan (Sabah).

Mereka yang dikckalkan pula ialah Zahari Kechik (Kelantan), Abdul Rahin Datuk Mohd Said (Terengganu), Mohd Ismail Mohd Othman @ Ali (Pulau Pinang), Jamal Nasir Rasdi (Perak) dan Dr Nasrah Salim (Johor).

Selain itu, Pergerakan Pemuda jugasebulat-suara melantik semula bekas Pe-

ngerusi Majlis Latihan dan Mahasiswa, Zein Ismail yang tewas kepada Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, bagi jawatan Naib Ketua Pemuda.

Pergerakan itu turut mengumumkan pelantikan lima anggota Exco tambahan iaitu bekas Pengerusi Majlis Kebudayaan, Beliau dan Sukan Pemuda, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh; Shamsul Najmi Shamsuddin (Pahang), Sahar Sakar (Sabah) dan Jamiluddin Junid (Melaka).

Di samping itu, dalam usaha memheri ruang dan peluang kepada profesional muda, Harrison Hassan, 25, dari Bahagian Selayang dilantik sebagai Setiausaha Kerja haru pergerakan itu.

Pergerakan itu turut mengekaln Zulkifli Alwi dan Mokhzani Mahathir

sebagai Penolong Setiausaha dan Penolong Bendahari, manakala anggota Exco, Azimi Daim dilantik sebagai Ketua Pencerangan, dibantu Dr Khairul Azmi dari Johor.

Hishammuddin berkata, beliau turut melantik anggota Exco Pergerakan itu untuk mengetuai 12 biro yang dibentuk bagi memastikan setiap mreka terbahit secara langsung untuk menarik sokongan beliau terutama pada peringkat akar umbi.

“Menerusi biro-biro ini, Pemuda akan menyusun pelbagai program dan aktiviti untuk Pemuda dan golongan muda sehingga peringkat akar umbi. Pemuda akan hertindak pro aktif, mesra rakyat, prihatin dengan permasalahan rakyat dan bertindak sebagai jurubicararakyat,” katanya.